

TANGGUNGJAWAB IBU BAPA: Tanggungjawab Ibu bapa dan Keperluan dan Kehendak Kanak-kanak.

4.1.1 Definisi Tanggungjawab.

Menurut kamus dewan, tanggungjawab merupakan suatu tugas, pekerjaan, bebanan kerja yang wajib ditanggung atau dipikul oleh seseorang yang telah di amanahkan. Sebagai ibu bapa tugas untuk mereka adalah tugas yang paling berat sekali kerana ibu bapa perlu berusaha membentuk insan yang dilahirkan menjadi manusia yang berguna. Walaupun kini kita melihat pelbagai bentuk dan teknik pengajaran supaya ibu bapa dapat menjadi ibu bapa yang cemerlang seperti melalui ceramah motivasi, kempen serta buku-buku panduan bagi membantu mereka menjalankan tugas, namun masalah masih lagi timbul. Hal ini kerana kebanyakan daripada mereka ghairah untuk mendidik anak hingga menimbulkan kesan negatif seperti disiplin yang tidak teratur iaitu disiplin yang terlalu ketat, kurang disiplin atau disiplin yang tidak berterusan. Sebagai contoh, disiplin yang terlalu ketat menyebabkan anak berasa benci, takut dan kurang minat untuk bercampur dengan orang lain.

4.1.2 Tanggungjawab Ibu Bapa Terhadap Anak-anak.

Dalam kita membicarakan hal yang berkaitan tanggungjawab, ibu bapa tidak terlepas dari sebarang alasan dalam usaha membentuk dan menjadikan anak mereka insan yang terbaik. Antara tugas – tugas utama ibu bapa yang perlu dipenuhi terhadap anak adalah seperti kasih sayang, pendidikan, nafkah serta perlindungan dan keselamatan.

Pendidikan

Tanggungjawab yang paling utama ibu bapa perlu berikan kepada anak-anak adalah dari segi pendidikan atau ilmu. Dalam membicarakan konsep pendidikan dapat kita pecahkan kepada lima kategori iaitu Jasmani, Emosi, Rohani, Intelek dan Sosial atau secara ringkasnya ialah JERIS.

i) Jasmani

Ibu bapa juga perlu memberi dan membantu anak-anak dalam menjadikan diri mereka sihat dan bertenaga supaya dijauhi daripada sebarang penyakit. Bukan hanya sekadar kita memberi makanan berkhasiat tetapi juga perlu mementingkan penjagaan tubuh serta stamina ke arah yang lebih baik. Maka dengan itu, ibu bapa perlu memberi pendidikan yang berkaitan dengan jasmani seperti riadah iaitu aktiviti bersukan sejak dari kecil lagi sama ada dikawasan rumah mahupun dikawasan luar dari rumah. Sebagai contoh, dalam perkembangan motor halus anak, ibu bapa perlu melatih mereka memegang, meramas, menggentel dan menumbuk sesuatu seperti bermain dengan pasir pantai. Dengan bahan pasir pantai tersebut, mereka dapat membentuk kemahiran motor halusnya disamping seni yang terhasil daripada aktiviti yang dilakukan. Selain itu, dalam membentuk motor kasarnya pula, ibu bapa boleh membawanya ke padang atau taman permainan. Di sana anak dapat berlari, melompat dan memanjat yang mana aktiviti tersebut membantu memperkuat tulang-tulang serta ototnya dan disamping mereka berasa kekal cergas.

ii) Emosi

Bagi membentuk emosi kanak-kanak pula, ibu bapa boleh mengajar anak mereka bagaimana rasa sedih, marah, suka, cemas dan sebagainya melalui gambar-gambar atau memek muka yang ditunjukkan.

iii) Rohani

Setiap ibu bapa wajib memberi pendidikan agama kepada anaknya agar mereka mengenali Tuhan mereka serta mengetahui adab dan larangan yang perlu dipatuhi supaya dapat menjadi insan yang terbaik.

Jadi terdapat beberapa perkara penting yang wajib diketahui oleh anak antaranya adalah berkenaan dengan konsep Akidah iaitu proses dimana kita mengenali Tuhan dan rasul serta mempercayai perkara-perkara ghaib seperti syurga dan neraka, malaikat dan sebagainya. Disamping konsep Akidah, diajar pula dengan konsep Ibadah iaitu berkenaan dengan cara mengucap shahadah, cara solat, puasa dan membaca Al-quran. Konsep Ibadah ini melengkapi dengan konsep Akidah iaitu setelah kita mempercayai Tuhan maka kita wajib menyembah dan mengingatnya (konsep ibadah). Selain itu, dalam membentuk sahsiah diri yang baik maka konsep Akhlak pula perlu di ajarkan yang mana ia saling melengkapi kehidupan seseorang manusia seperti beradab sopan, taat, menghormati dan bercakap benar dalam setiap perbuatan.

iv) Intelek

Budaya meransang minda amat penting dalam memastikan prestasi kecemerlangan anak tercapai. Antara cara menjadikan otak dan pemikiran anak aktif adalah bermula daripada ibu bapa itu sendiri. Semasa anak didalam kandungan lagi ibu bapa perlu melatih meransang diri menjadi seorang yang suka membaca dan berfikir. Hal ini jika diteruskan, maka ketika nak membesar, mereka akan membuat perkara yang sama. Anak-anak perlu dididik untuk suka membaca serta mengingat. Antara kaedah yang sesuai bagi melatih mereka mengingat adalah melalui pembacaan Al-Quran. Al-quran bukan hanya sekadar dibaca malah perlu dihafal dan difahami maksudnya. Konsep ini juga boleh diguna pakai dalam proses pembelajaran yang lain juga. Selain itu, dari segi kesihatan seseorang yang ingin daya ingatannya kuat, maka dia perlu sering membaca dan menghafal. Jadi dengan latihan seperti ini seseorang itu tidak akan mengalami penyakit nyanyuk atau lupa (Anzaim) seperti yang dialami oleh Tun Dr. Mahathir Mohammad. Walaupun usianya telah mencecah 87 tahun, tetapi daya ingatannya masih lagi kuat. Hal ini kerana beliau sering mengamalkan pembacaan sejak dari usia muda hingga sekarang dan beliau mampu menghasilkan buku- buku yang menarik seperti "*Doctor in the House*" hasil nukilannya sendiri yang baru dilancarkan pada tahun lepas.

v) Sosial

Dalam membentuk perkembangan sosial kanak-kanak, ibu bapa perlu kembali kepada ajaran agama kerana agama telah memberikan panduan yang sesuai dalam usaha mendidik anak dengan cara yang betul. Antara yang disentuh dalam aspek sosial ini ialah berkenaan dengan adab sopan seperti cara pergaulan dengan keluarga, rakan dan jiran disamping menjaga batas pergaulan. Selain itu konsep hormat menghormati sama ada dengan orang yang lebih muda atau yang lebih tua perlu diajar kepada anak seperti cara bersalam, bercakap, ucapan terima kasih dan sebagainya. Komponen yang berkaitan aspek sosial ini juga berkaitan dengan aspek pembelajaran seks. Hal ini kerana pendidikan seks amat penting diajar supaya anak-anak tahu apa itu seks, bagaimana ia berlaku, pencegahan serta bahaya perlakuan seks bebas.

NAFKAH

Nafkah adalah perkara wajib yang perlu dipenuhi sebagai keperluan asas kepada anak. Tanpa keperluan asas ini anak-anak tidak dapat hidup dengan selesa dan normal seperti orang lain. Antara nafkah yang perlu dipenuhi ibu bapa adalah yang berkaitan dengan pakaian, tempat tinggal, makanan serta sumber kewangan. Pakaian adalah sesuatu yang perlu terutama dalam memenuhi kehendak agama iaitu menutup aurat disamping melindungi diri dari panas atau sejuk. Begitu juga tempat tinggal dimana ia hendaklah sesuai dan sekiranya mampu sediakan rumah yang dapat membantu perkembangan anak-anak. Makanan pula adalah sumber tenaga kepada manusia maka ibu bapa perlu menyediakan makanan yang sesuai dengan perkembangan anak. Sumber kewangan pula antara aspek penting yang perlu dipenuhi bersesuaian dengan keperluan anak. Kewangan yang diutamakan adalah dari segi pembelanjaan harian anak di sekolah. Sekiranya tidak mampu maka ibu bapa perlu menyediakan bekalan makanan dari rumah agar anak tidak kelaparan semasa berada di sekolah supaya mereka dapat meneruskan proses pembelajaran dengan lebih baik dan bertenaga.

PERLINDUNGAN & KESELAMATAN

Konsep perlindungan dan keselamatan perlu menjadi aspek utama yang perlu diberi fokus oleh ibu bapa terhadap anak-anak mereka. Saban hari kita lihat di media massa mahupun media cetak memaparkan kisah-kisah tragis yang berkaitan dengan jenayah terhadap kanak-kanak. Antaranya berkaitan dengan kes rogol, bunuh, penderaan, pengabaian ibu bapa serta kes pemerdagangan kanak-kanak dan kebanyakan kes yang berlaku adalah dilakukan oleh ibu bapa mereka sendiri. Jadi dalam hal ini ibu bapa perlu bertindak rasional dan berfikiran waras dalam mendidik anak agar tidak terlibat dalam kes-kes sedemikian.

KASIH SAYANG

Kasih sayang daripada ibu bapa adalah sesuatu yang amat diharapkan anak kerana apabila mereka diberi kasih sayang maka segala-galanya terasa indah dan bahagia. Anak yang kurang kasih sayang akan sentiasa mengalami kemurungan dan sering berasa tersisih. Kasih sayang perlu disemai sejak dari kecil lagi bermula selepas dilahirkan kerana sumber inspirasi anak adalah bermula daripada ibu bapa mereka.

4.2 Keperluan dan Kehendak Kanak-Kanak.

Keperluan Kanak-kanak.

Keperluan adalah kehendak atau kemahuan individu untuk mengurangkan atau membetulkan keadaan kekurangan, kekacauan atau keadaan tidak seimbang berhubung individu tersebut. Keperluan boleh wujud dalam bentuk fisiologi dan psikologi.

Keperluan fisiologi lebih kuat, lebih tetap dan memberi motivasi dalaman kepada seseorang individu. Ini juga dipanggil dorongan. Keperluan psikologi pula lahir akibat hubungan antara manusia dengan pelbagai aspek persekitaran. Kedua-dua bentuk keperluan fisiologi dan psikologi ini mempunyai kaitan yang sangat rapat. Oleh kerana perkaitan yang rapat itu, makna sesuatu keperluan juga perlu dilihat melalui cara memenuhi keperluan tersebut. Sebagai contoh makanan adalah satu keperluan fisiologi tetapi disebabkan oleh faktor budaya dan agama, makanan bagi sesuatu kaum tidak menjadi makanan bagi kaum lain. Contoh paling mudah bagi keadaan ini adalah daging lembu yang boleh dimakan oleh kaum Melayu beragama Islam tidak boleh dimakan oleh kaum India beragama Hindu.

Jenis-jenis Keperluan.

Struktur dan fungsi di dalam badan organisme mempunyai keperluan yang tertentu. Telah diakui bahawa manusia sebagai makhluk yang paling tinggi mempunyai keperluan yang kompleks. Berdasarkan Atan Long (1976 : 131), Maslow (1954) telah menjelaskan bahawa keperluan-keperluan manusia itu berperingkat-peringkat. Sesuatu peringkat keperluan yang lebih tinggi tidak mungkin diperolehi sebelum keperluan yang lebih rendah peringkatnya dipenuhi terlebih dahulu. Pada peringkat yang paling asas terdapat keperluan hayat ataupun keperluan fisiologi. Setelah keperluan ini dipenuhi baharulah keperluan keselamatan, diikuti keperluan kasih-sayang, seterusnya peringkat penghargaan sendiri atau penghormatan diri dan peringkat tertinggi atau puncak bagi keperluan manusia adalah peringkat keperluan bagi penyempurnaan sendiri.

Model Maslow yang berbentuk peringkat itu merupakan perkembangan '*ontological*' individu kerana setiap peringkat perkembangan perlu dilalui oleh individu misalnya pada masa bayi atau kanak-kanak, individu memerlukan perlindungan dan keselamatan, diikuti dengan kasih-sayang, dan penghormatan diri dan keperluan ini terus bertambah sehingga kepada peringkat penyempurnaan sendiri. Kajiannya mendapati semakin tinggi keperluan individu itu maka semakin kurang pergantungan kepada persekitaran sosial kerana dalam hal ini individu menggunakan pengalaman lampau untuk menentukan tingkah-lakunya. Pada masa ini motivasi bergantung kepada kemahuan dalaman, kemampuan, potensi, bakat, dan kreativiti impuls individu.

Sementara itu persekitaran sosial merupakan faktor desakan dalam mencapai kemahuan ini. Maka dengan itulah juga Maslow menamakan keperluan peringkat terbawah sebagai keperluan kekurangan dan peringkat paling tinggi sebagai keperluan perkembangan.

a. Keperluan Fisiologi.

Keperluan fisiologi merupakan keperluan untuk makanan, air, oksigen, aktiviti (yang diserlahkan dalam bentuk gerakan atau bermain), dan kepuasan deria (seperti merasa makanan yang digemari, melihat gambar berwarna-warni atau mendengar lagu gembira).

b. Keperluan Keselamatan.

Kanak-kanak memerlukan jaminan keselamatan selepas keperluan fisiologi mereka dipenuhi. Mereka memerlukan penjagaan ketika sakit, ibu bapa sebagai tempat bergantung, jaminan ketenteraman (fizikal dan emosi) dan dunia rutin yang teratur.

c. Keperluan Kasih Sayang dan Rasa Dimiliki.

Setelah keperluan fisiologi dan keselamatan dipenuhi, keperluan seterusnya adalah menerima dan memberi kasih sayang, juga rasa dimiliki iaitu penerimaan orang lain terhadap mereka. Kanak-kanak mahu diterima dan diberi perhatian dalam sesuatu kelompok. Keperluan ini merupakan permulaan kepada keperluan psikologi. Kekurangan perhubungan kasih sayang boleh menjadi punca psikopatologi atau kecelaruan personaliti yang mungkin mengakibatkan tingkah laku agresif dan anti sosial.

d. Keperluan Penghargaan.

Keperluan ini mengkehendaki seseorang itu menghormati dirinya sendiri, mendapat penghargaan daripada orang lain dan juga dapat menghormati orang lain. Penghormatan dan penghargaan yang diperlukan adalah hasil daripada pencapaiannya. Keperluan ini dipuaskan dengan cara yakin diri dan mendapat pengakuan, pemerhatian atau penghargaan daripada orang lain.

e. Keperluan Pengetahuan.

Rasa ingin tahu, penerokaan dan keinginan mendapatkan pengetahuan tambahan lebih nyata bagi sesetengah kanak-kanak sahaja. Apabila keperluan ini sangat kuat maka kanak-kanak akan mula menyusun, mengatur, mencari perhubungan di antara perkara-perkara yang dilihat atau didengarnya.

f. Keperluan Estetik.

Keperluan ini biasanya ditunjukkan oleh sesetengah individu yang telah matang tetapi boleh juga diperlihatkan secara ketara oleh sebahagian kanak-kanak. Keperluan ini merupakan keinginan yang mendadak untuk kecantikan, keindahan, keadaan teratur/kemas dan simetri.

g. Kesempurnaan Kendiri.

Keperluan kesempurnaan sendiri berlaku apabila seseorang itu berkebolehan menjadi apa yang ia mampu. Pada tahap ini potensinya harus disempurnakan. Sebelum tahap keperluan ini dicapai, keperluan-keperluan lain sebelumnya harus dipuaskan terlebih dahulu. Apabila keperluan ini tercapai, seorang individu yang sihat dari segi mental dan emosi yang telah berjaya mempunyai pencapaian potensinya akan terhasil. Selain daripada keperluan seperti yang dinyatakan oleh Maslow, kanak-kanak juga mempunyai keperluan untuk:

h. Mendapat Kepercayaan.

Kanak-kanak mengharapkan orang lain dapat mempercayai mereka. Kepercayaan ini termasuk dari aspek keupayaan menjalankan aktiviti dan kepercayaan terhadap kejujuran mereka.

i. Berdikari.

Kanak-kanak perlu berdikari untuk memberi ruang kepada mereka berkembang dan menunjukkan potensi diri. Peluang untuk memenuhi keperluan ini boleh diberikan dalam bentuk melakukan aktiviti rutin seperti menyusun barangan peribadi, mengikat tali kasut atau aktiviti pembelajaran.

j. Kawalan Diri.

Keperluan kawalan diri lebih merujuk kepada keupayaan kanak-kanak mengawal emosi mereka. Keperluan ini akan membolehkan kanak-kanak mempunyai emosi yang sihat dan mengurangkan tekanan perasaan dalam proses tumbesaran mereka.

Kehendak Kanak-kanak.

Kehendak meliputi apa sahaja yang disuarakan oleh kanak-kanak secara verbal atau non-verbal. Kehendak berbeza daripada keperluan. Kehendak kanak-kanak biasanya tidak terbatas dan melampaui daripada keperluan. Perbezaan antara keperluan dan kehendak berdasarkan Hierarki Keperluan Maslow dapat digambarkan dengan lebih jelas dalam Jadual 1.

| Hierarki Keperluan (Teori Maslow) | Keperluan Kanak-kanak | Kehendak Kanak-kanak | Implikasi kepada guru |
|--|--------------------------------------|---|---|
| Keperluan fisiologi <i>keperluan asas</i> | Makanan seimbang. | Makanan manis, snek, makanan segera dengan mainan, minuman bergas. | Menyediakan makanan seimbang dengan hiasan yang menarik dan berwarna-warni. |
| Keperluan keselamatan | Keselamatan diri dan tempat belajar. | Mencuba sesuatu aktiviti mencabar dengan gembira tanpa sedar aspek keselamatan. | Memastikan alat permainan selamat dan tidak menyebabkan kecederaan. Menyediakan tempat bermain yang selamat. |

| | | | |
|---------------------------------------|---|---|--|
| Keperluan kasih sayang dan penerimaan | Perhatian dan kasih sayang, diterima tanpa syarat. | Perhatian berlebihan, sentiasa ingin dimanjakan, cemburu bila guru mendekati orang lain, nakal kerana ingin menarik perhatian. | Guru adil dalam member perhatian, bersikap mesra dengan semua murid. |
| Keperluan penghargaan | Keupayaan, usaha dan pencapaian diakui dan diberi pujian/penghargaan. | Pujian berlebihan, mahu sentiasa diberi ganjaran/hadiah berbentuk material. | Guru member penghargaan atas keupayaan sebenar, bukan semata-mata memuji tanpa sebab yang jelas. Penghargaan diseimbangkan, tidak hanya berbentuk materil, tidak mengkritik kesilapan, sebaliknya member dorongan untuk memperbaiki usaha. |
| Keperluan pengetahuan | Mendapatkan pengetahuan baru, cuba menghubungkan pengetahuan sedai ada dengan pengetahuan baru, ingin tahu. | Pertanyaan berlebihan sehingga mengganggu pengajaran dan pembelajaran, membuat aktiviti untuk bermain semata-mata tanpa mengira kira unsur pengetahuan. | Guru merancang aktiviti pembelajaran berbentuk permainan yang menarik dan meransang pemikiran mereka serta menimbulkan sifat ingin tahu. |
| Keperluan estetik | Menyusun peralatan dengan kemas, mengemas diri, melihat gambar berwarna-warni. | Inginkan peralatan peribadi yang mempunyai karektor yang digemari mereka (seperti Garfield), menghias diri secara berlebihan, berpakaian mengikut fesyen terkini. | Guru menggunakan alat bantu mengajar yang menarik dan berwarna-warni, menghias bilik darjah, menyusun peralatan dengan kemas, guru sentiasa ceria, bersih dan kemas. |

| | | | |
|---------------------------------------|---|---|--|
| Keperluan kasih sayang dan penerimaan | Perhatian dan kasih sayang, diterima tanpa syarat. | Perhatian berlebihan, sentiasa ingin dimanjakan, cemburu bila guru mendekati orang lain, nakal kerana ingin menarik perhatian. | Guru adil dalam member perhatian, bersikap mesra dengan semua murid. |
| Keperluan penghargaan | Keupayaan, usaha dan pencapaian diakui dan diberi pujian/penghargaan. | Pujian berlebihan, mahu sentiasa diberi ganjaran/hadiah berbentuk material. | Guru member penghargaan atas keupayaan sebenar, bukan semata-mata memuji tanpa sebab yang jelas. Penghargaan diseimbangkan, tidak hanya berbentuk materil, tidak mengkritik kesilapan, sebaliknya member dorongan untuk memperbaiki usaha. |
| Keperluan pengetahuan | Mendapatkan pengetahuan baru, cuba menghubungkan pengetahuan sedai ada dengan pengetahuan baru, ingin tahu. | Pertanyaan berlebihan sehingga mengganggu pengajaran dan pembelajaran, membuat aktiviti untuk bermain semata-mata tanpa mengira kira unsur pengetahuan. | Guru merancang aktiviti pembelajaran berbentuk permainan yang menarik dan meransang pemikiran mereka serta menimbulkan sifat ingin tahu. |
| Keperluan estetik | Menyusun peralatan dengan kemas, mengemas diri, melihat gambar berwarna-warni. | Inginkan peralatan peribadi yang mempunyai karektor yang digemari mereka (seperti Garfield), menghias diri secara berlebihan, berpakaian mengikut fesyen terkini. | Guru menggunakan alat bantu mengajar yang menarik dan berwarna-warni, menghias bilik darjah, menyusun peralatan dengan kemas, guru sentiasa ceria, bersih dan kemas. |